

JOHOR CORPORATION,  
LEVEL 11, MENARA KOMTAR  
JOHOR BAHRU CITY CENTRE  
80000 JOHOR BAHRU.  
TEL: 07-2192692



# KENYATAAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## DYMM SULTAN JOHOR BERANGKAT KE JOHOR CORPORATION

**JOHOR BAHRU, 7 JULAI 2020:** Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berkenan bercemar duli berangkat melawat ibu pejabat Johor Corporation di Menara KOMTAR Johor Bahru City Centre di sini, hari ini.

Keberangkatan tiba Baginda disambut oleh YAB Datuk Haji Hasni Mohammad, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi Johor Corporation; YBhg Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation; serta barisan Ahli-Ahli Johor Corporation dan pegawai kanan konglomerat Negeri Johor itu.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor kemudian dipersembahkan taklimat korporat oleh YBhg Datuk Syed Mohamed, yang antara lain mengenai pelan transformasi dan pelestarian bisnes melibatkan penstrukturan semula korporat dan kewangan serta hala tuju baharu seiring matlamat mencapai kecemerlangan organisasi ini lebih-lebih lagi dalam era yang penuh cabaran.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor juga telah memperkenankan reka bentuk logo baharu Johor Corporation yang dijangka dilancarkan pada suku ketiga tahun ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation turut memaklumkan perkembangan bisnes teras melibatkan perladangan, kesihatan pakar, pembangunan hartanah serta makanan yang disertai syarikat Kumpulan selain perancangan membawa produk tertentu memasuki pasaran serantau.

Sesi bergambar dan majlis santapan turut diadakan sempena lawatan Baginda ke Johor Corporation yang berlangsung kira-kira dua jam itu.

*-Tamat-*

Dikeluarkan oleh: Johor Corporation  
Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Strategik.  
Tel: 07-219 2692.